

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 03.02.2026 MASA: 1.00TGH

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PUSPANITA MBSP KALI KE-27 TAHUN 2026**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**5 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)
8.50 PAGI**

**AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Faziah Binti Johari

Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim

Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Maziana Binti Mohd Mokhtar

Timbalan Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang

Barisan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA MBSP

AJK-AJK dan Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP

serta

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-27 Tahun 2026** dalam suasana yang harmoni, tertib dan penuh iltizam.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Faziah Binti Johari, Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang**, atas kesudian hadir dan seterusnya merasmikan majlis yang amat berprestij ini. Kehadiran Yang Berbahagia Datin Seri bukan sahaja menyerikan majlis, malah menjadi **suntikan semangat dan inspirasi** kepada seluruh ahli PUSPANITA MBSP.
3. Tidak dilupakan, tahniah dan penghargaan saya rakamkan kepada **Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim, Pengerusi PUSPANITA MBSP**, atas kepimpinan yang berwibawa, berprinsip dan penuh dedikasi. Komitmen berterusan beliau bersama barisan Ahli

Jawatankuasa telah berjaya mengangkat PUSPANITA MBSP sebagai sebuah persatuan yang **aktif, relevan dan berjiwa komuniti**.

Hadirin yang saya hormati,

4. Sebagai Penasihat PUSPANITA MBSP, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua ahli dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MBSP yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap setiap program yang dianjurkan, bukan sahaja program dalaman persatuan, malah **program-program utama MBSP** yang melibatkan penglibatan secara langsung seperti **Hari Bandaraya, Hari Keluarga** serta program **Santuni Komuniti Bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri**. Sesungguhnya, kehadiran dan peranan aktif PUSPANITA MBSP dalam program-program ini telah menyerlahkan wajah MBSP yang **inklusif, berjiwa rakyat dan berteraskan nilai MADANI**.
5. Syabas dan tahniah saya ucapkan kerana PUSPANITA MBSP sentiasa **berani mencipta kelainan**. Program seperti **Lorong Seni** dan **Rewang Ramadan** bukan sahaja kreatif, malah memberi sentuhan emosi, nilai kemasyarakatan dan memperkukuh semangat kesukarelawanan. Inilah contoh program yang bukan sekadar dilaksanakan, tetapi **dirasai impaknya oleh masyarakat**.
6. Saya amat mengalu-alukan usaha untuk terus memperbanyakkan program dan aktiviti khusus untuk wanita, dan pada masa yang sama

memperluaskan manfaat kepada kumpulan lain seperti **kanak-kanak, remaja, lelaki dan warga emas**. Pendekatan menyeluruh ini amat bertepatan dengan aspirasi pembangunan komuniti yang seimbang dan lestari.

7. Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa **program yang menyentuh kepentingan kebajikan ahli dan keluarga tidak wajar diabaikan**. Kebajikan kakitangan dan ahli PUSPANITA perlu sentiasa diberi perhatian kerana di situlah terletakanya kekuatan sebenar sesebuah persatuan; apabila ahlinya dihargai, dibela dan diperkasakan.
8. Tahniah juga saya ucapkan kepada PUSPANITA MBSP kerana telah berjaya menganjurkan **sebanyak 84 program sepanjang tahun 2025**, yang kebanyakannya menerima penyertaan yang amat membanggakan. Pencapaian ini membuktikan bahawa PUSPANITA MBSP bukan sahaja aktif dari segi kuantiti, malah **berkualiti dari segi pengisian dan impak**.
9. Saya juga berasa amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa **keahlian PUSPANITA MBSP kini mencecah seramai 738 orang**, merangkumi **138 orang ahli kategori suri** serta **26 orang pesara aktif**. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi mencerminkan **keyakinan, kebersamaan dan kekuatan solidariti wanita** dalam menyokong agenda pembangunan organisasi dan bandar raya ini.

Hadirin sekalian,

10. Harapan saya agar PUSPANITA MBSP akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah organisasi wanita yang **progresif, berdaya saing dan berjiwa besar**, seiring dengan hala tuju MBSP dan aspirasi **Penang2030** serta **Malaysia MADANI**. Jadikan PUSPANITA sebagai medan melahirkan wanita yang bukan sahaja cekal mengurus keluarga, tetapi juga **berupaya memimpin, mempengaruhi dan mencorak masa depan masyarakat**.
11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh ahli PUSPANITA MBSP. Teruskan budaya kerja berpasukan, keikhlasan dalam berkhidmat dan keberanian untuk berinovasi. Insya-Allah, dengan niat yang betul dan usaha yang berterusan, PUSPANITA MBSP akan terus menjadi **tonggak kekuatan wanita dalam perkhidmatan awam dan komuniti bandar raya**.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan dua rangkap pantun:

Pagi hari memetik melati,
Disusun rapi di taman permai;
Wanita bersatu membina jati diri,
PUSPANITA MBSP megah mengukir bakti.

Seberang Perai terus melangkah,
Dengan tekad dan azam membara;
PUSPANITA terus gagah dan megah,
Bersama MBSP membina bandar raya.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***